



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Panik anak edar dadah, suri rumah rugi RM30,000
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 10 December 2020

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 19

Panik anak edar dadah, suri rumah rugi RM30,000

Butterworth: Panik mendengar anak lakinya ditahan polis kerana kesalahan mengedar dadah, seorang suri rumah membayar RM30,000 untuk membebaskan anaknya itu.


Malangnya, wanita berusia 66 tahun itu diperdaya sindiket Macau Scam dan simpanannya hangus sekelip mata.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor, berkata kejadian berlaku selepas mangsa menerima panggilan telefon dar-

ipada seorang wanita mendakwa pegawai polis kelmarin.

Beliau berkata, suspek mengatakan anak mangsa berusia 41 tahun ditahan atas kesalahan mengedar dadah dan menuntut mangsa membayar RM80,000 sebagai jaminan untuk membebaskannya.

Katanya, keadaan mangsa semakin cemas apabila dia menerima pula panggilan telefon daripada seorang individu yang menyamar sebagai anaknya yang meminta membuat baya-



Noorzainy Mohd Noor

ran segera.

“Disebabkan terlalu panik, mangsa tidak menyemak terlebih dulu panggilan itu dan terus membuat pindahan wang sebanyak RM30,000 ke dalam akaun yang diberikan.

“Mangsa diugut supaya tidak menceritakan perkara ini kepada sesiapa,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Noorzainy berkata, mangsa menyedari dirinya ditipu selepas menceritakan perkara itu kepada keluarga, termasuk anak

yang didakwa mengedar dadah dan selepas dimaklumkan tiada yang terbabit penyalahgunaan dadah.

“Mangsa tampil membuat laporan polis pada hari sama kejadian dan memaklumkan tidak tahu akan taktik serta helah terbaru sindiket ini.

“Polis sedang menjalankan siasatan ke atas akaun bank yang diberikan kepada mangsa dan siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan,” katanya.